

SOALAN 4

Baca setiap ayat di bawah dengan teliti, kemudian padankan subjek, predikat, dengan pola ayat yang sesuai.

1. Gelang emas yang dihadiahkan kepada isterinya itu / cantik sungguh.
2. Buah durian di belakang rumah Pak Lazim / sudah gugur.
3. Semua perkakas di dalam bilik darjah sekolah kami / daripada kayu jati.
4. Penyanyi muda yang berkasut kulit buatan Itali itu / adik Mat Rashid.
5. Bangunan kelab sukan di penjuru jalan itu / sudah usang benar.
6. Dua sisir sikat rambut di almari / telah dibeli oleh kakak Gopal.
7. Basikal pam angin yang sedang ditunggangi oleh adik / ialah jenis Raleigh.
8. Pengawal peribadi menteri yang baru bersara itu / dari kampung saya.
9. Kayu pembaris kepunyaan abang Foo Ying / dipinjamkan kepada cikgu.
10. Ayah Hafiz / ke kedai membeli getah pemadam untuk anaknya.
11. Umur batu penanda di jalan raya itu / cukup tua.
12. Lebah betina yang menyengat budak kecil itu / akhirnya telah mati dipukul.
13. Mereka / ke kampung itu untuk melihat kambing jantan Pak Manaf yang berkaki lima.
14. Gerabak kereta api untuk penumpang perempuan sahaja itu / sungguh cantik.
15. Bantuan ini / untuk orang kampung yang menjadi mangsa banjir.

	(FN + FA)	(FN + FK)	(FN + FS)	(FN + FS)
(FN + FN)	(FN + FK)	(FN + FA)		
(FN + FS)	(FN + FN)	(FN + FA)		
		(FN + FS)	(FN + FS)	
(FN + FK)	(FN + FA)	(FN + FK)		

